

01/02/1999

Malaysia, Singapura perlu sekata

KOTA TINGGI, Ahad - Malaysia mahu beberapa isu yang berbangkit antara negara ini dan Singapura termasuk pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor diselesaikan secara bersama tanpa menyinggung mana-mana pihak, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sehubungan itu, kedua-dua negara perlu bersikap terbuka dan berkompromi dalam menyelesaikan isu yang berbangkit bagi menghasilkan sesuatu yang positif.

Sebagai contoh, kata beliau pembinaan jambatan berharga kira-kira RM1.5 bilion bagi menggantikan Tambak Johor tidak akan dilaksanakan tanpa mendapat persetujuan daripada Singapura.

"Buat sementara waktu, mereka (Singapura) tahu kita mempunyai minat malah bahagian kita sudah diberikan kepada Gerbang Perdana (konsortium yang akan membina jambatan itu).

"Itu bahagian kita... tapi bahagian yang lebih penting untuk melaksanakannya ialah di Singapura.

"Jadi biar kita buat betul-betul supaya kita tidak menyinggung mana-mana pihak dan kita mahu ianya dilihat bahawa kepentingan Malaysia dan Singapura mempunyai kaitan yang rapat dalam beberapa hal dan kaitan ini boleh menjejaskan hubungan jika kita tidak menguruskannya dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis rumah terbukanya sempena Aidilfitri di sini, hari ini.

Hubungan Malaysia dan Singapura sebelum ini tegang berikutan beberapa isu termasuk pemindahan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Singapura di Tanjong Pagar Ke Woodlands.

Isu terbaru membabitkan kedua-dua negara timbul apabila Malaysia menyatakan minat untuk membina jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.

Bagi membolehkan jambatan itu dibina, sebuah konsortium yang dikenali sebagai Gerbang Perdana dilantik untuk melaksanakan projek itu di satu kawasan tebus guna seluas antara 280 hektar hingga 320 hektar di Tanjung Puteri, bersebelahan Tambak Johor.

Gerbang Perdana dimiliki 60 peratus oleh Merong Mahawangsa Sdn Bhd, anak syarikat IBEX Corp Amalgamated Sdn Bhd dan masing-masing 20 peratus oleh Diversified Resources Bhd serta Detik Nagasari Sdn Bhd, anak syarikat Transwater Corp Bhd.

Ditanya sama ada beliau akan mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya di Singapura dalam pertemuan formal untuk membincangkan isu berkenaan pembinaan jambatan itu, Syed Hamid berkata, ia masih terlalu awal untuk diperbincangkan.

"Kita juga tidak terburu-buru untuk melaksanakan projek itu. Tetapi kita perlu mempunyai sasaran dan tempoh pelaksanaan projek berkenaan supaya ia tidak terbengkalai begitu saja.

"Buat sementara waktu kita selesaikan dulu isu tempatan kita dulu... lepas kita habis semua isu tempatan, barulah kita akan mencari penyelesaian dengan Singapura dan mendapat persetujuan mereka.

"Selepas itu baru boleh kita tetapkan tarikh untuk melaksanakannya (pembinaan jambatan)," katanya.

Mengulas pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Menteri Kanan Singapura, Lee Kwan Yew di Davos, Switzerland, Syed Hamid berkata, sikap pemimpin kedua-dua negara itu menunjukkan petanda positif ke arah pencapaian penyelesaian isu yang berbangkit antara kedua-

dua negara serta isu yang mempunyai kepentingan dua hala.

"Saya percaya dengan pertemuan ini, ia akan membantu lagi di dalam kita mencari penyelesaian terhadap status yang mahu kita capai di antara Malaysia dan Singapura.

"Kalau boleh kita mahu ini semua (diselesaikan) di dalam konteks untuk membina kepentingan bukan saja politik dan mencari kemanan serta kesejahteraan di sini, tetapi juga untuk mencapai sesuatu yang mendatangkan manfaat ekonomi untuk kepentingan kedua-dua negara yang akan membawa kesan yang baik sekali untuk perhubungan jangka panjang," katanya.

(END)